

19 MAY 2001

PERDANA MENTERI TIBA DI SABAH UNTUK LAWATAN DUA HARI

KOTA KINABALU, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk lawatan dua hari ke Sabah.

Beliau tiba pada pukul 5.35 petang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketibaan mereka disambut oleh Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat, timbalan-timbalan ketua menteri, menteri kabinet serta ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

Turut berada di terminal dua lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam, yang juga bekas ketua menteri.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke Sabah selepas kerajaan negeri beralih peneraju ekoran keputusan beliau untuk meneruskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di negeri ini yang menyaksikan Osu digantikan Chong pada 27 Mac lepas.

Perdana Menteri, yang tiba dari Johor Baharu selepas mengakhiri lawatan di sana, dijadual mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah malam ini.

Esok, beliau akan bersarapan dengan anggota jemaah menteri kabinet negeri sebelum merasmikan Perhimpunan Khas Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), sebuah parti komponen Barisan Nasional negeri.

Dr Mahathir dan isteri dijangka kembali ke ibu negara tengah hari esok.

-- BERNAMA

JS NAK